

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, November 13, 2019 10:34 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Ledakan Media Sosial Tidak Terkawal Punca Rosak Pemikiran



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 NOVEMBER 2019 / 16 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

LEDAKAN MEDIA SOSIAL TIDAK TERKAWAL PUNCA ROSAK PEMIKIRAN



UUM ONLINE: “Pemikiran yang rosak kini berpunca daripada ledakan media sosial yang tidak terkawal,” kata Mufti Wilayah Persekutuan, Dato’ Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri dalam Bicara Mufti: Fitnah Akhir Zaman di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, semalam.

Menurutnya, permainan dunia moden menerusi telefon bimbit sama ada aplikasi atau jenama amat laju pada hari ini dan jika tidak dibendung akan memberi kesan negatif dan ancaman terhadap anak-anak dan masyarakat.

Katanya, ramai anak-anak yang sudah dipengaruhi media sosial seperti Twitter, Messenger dan Whatapps, malah berita di kaca televisyen juga sudah diambil alih oleh berita media sosial yang semakin mendapat tempat.

Tambahnya, lambakan maklumat boleh masuk di hujung jari tanpa tapisan menjadikan mereka mudah terpengaruh dengan pemikiran yang salah seterusnya membesar dengan membina pemikiran yang salah itu.

“Ada satu kes suami isteri daripada golongan elit datang mengadu tentang anaknya yang genius, mengadap komputer setiap waktu, akhirnya terpengaruh dengan pandangan mengatakan bahawa tidak perlu sembahyang, puasa dan semua agama sama saja.

“Ini amat merbahaya, justeru ibu bapa perlu ada tapisan dan kawalan sewajarnya untuk membendung masalah ini dari menjadi lebih parah,” katanya dalam majlis anjuran Pusat Islam dan Jabatan Pendaftaran, UUM.

Beliau berkata, dengan hanya menyebarkan sekeping gambar dalam laman sosial akan mengundang pelbagai persepsi, malah masing-masing menghakimi gambar tersebut yang dihujani dengan kejian dan kutukan.

Menurutnya, apabila ditaip perkataan Rasulullah, sebanyak 300 artikel akan keluar di skrin namun, malangnya daripada jumlah itu 250,000 artikel adalah menghina Rasulullah dalam kalangan orientalis barat.

“Bayangkan berapa ramai terperangkap dengan maklumat yang salah, sentiasa dimomokkan dengan dengan pandangan ini sehingga timbul rasa percaya.

“Sebagai orang Islam, kita perlu berhati-hati dan cermat semasa mengeluarkan kenyataan kerana bila kita bercakap kalimat yang diucapkan diterjemah secara berbeza-beza,” pesannya.

Dalam pada itu katanya, manusia tidak pernah berasa cukup dengan apa yang ada sebaliknya akan merasa cukup apabila mempunyai sifat *qanaah* dan kaki melangkah masuk ke syurga.

Tegasnya, harta benda dan anak-anak adalah fitnah dan sebaik-baik harta itu berada pada tangan orang soleh.

“Kita hanya tahu ternak anak sampai obesiti tetapi tidak memberi ilmu agama kepada mereka misalnya tidak ajar solat, tidak ajak ke masjid sedangkan kalau kita ajar mereka ke masjid, bagi RM1 kepada mereka untuk dimasukkan dalam tabung masjid akan berbekas di hati sanubari anak-anak.

“Bila bekerja, kita menjadi pekerja terbaik walaupun pangkat yang paling bawah misalnya kerani di sebuah pejabat peguam dibayar gaji yang tinggi kerana berpengalaman dan pandai serba serbi, semua kerja selesai ‘boss’ hanya perlu tandatangan sahaja.

“Kita mahu profesor dan pensyarah yang jauh ke hadapan dan buah fikiran yang didengar di seluruh dunia, kekal fokus dalam menjalankan tugas sehingga tiada masa nak membawang,” katanya.

Beliau menyifatkan Rasulullah pemimpin hebat, sesiapa pun yang memandang Baginda menjadi semangat, bahagia semua orang suka dan memiliki aura kerana Rasulullah bukan membina tamadun tetapi membina pembina tamadun sehingga Islam muncul paling hebat ketika itu.

Menurutnya, Allah juga amat sukakan seseorang yang buat kerja dengan tekun, teliti dan ada sasaran, jadi dengan harapan, doa, usaha bersungguh-sungguh penuh strategi berakhir dengan tawakal untuk berjaya.

“Begitu juga UUM kawah ilmu dan boleh berjaya dengan kepakaran yang dianugerahkan Allah.

“Bercakap mengenai fitnah akhir zaman, pada saya sejujurnya kita terperangkap dengan masa malah perkataan sibuk sentiasa meniti di bibir.

“Ambil peluang masa hidup sebelum mati yang tidak ada peluang lagi sesudah ini. Pagi petang sibuk dengan kerja di samping kuat ibadah, akhiri hidup kita dengan kalimah syahadah menandakan penghujung yang husnul khatimah dan bila mati kita puas hati untuk menghadap Allah,” pesannya.

Beliau turut berkongsi tips untuk melawan nafsu dengan mencari kawan yang baik, baca buku salafus soleh, pergi ke masjid, sentiasa bangun malam, banyak membaca al-Quran dan tadabbur yang akan memberi kesan dalam menundukkan nafsu.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.